

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, July 9, 2019 12:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: OYAGSB Open Day Tarik Pelajar Berpotensi Sambung Pengajian



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 JULAI 2019 / 6 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

OYAGSB OPEN DAY TARIK PELAJAR BERPOTENSI SAMBUNG PENGAJIAN



UUM ONLINE: Bagi menarik lebih ramai pelajar berpotensi menyambung pengajian di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), OYAGSB telah menganjurkan OYAGSB Open Day 2019, baru-baru ini.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan berkata, program selama sehari itu bertujuan memperkenalkan program yang ditawarkan di OYAGSB serta menarik lebih ramai pelajar yang mempunyai potensi untuk melanjutkan pengajian di situ.

Menurutnya, OYAGSB Open Day itu juga menjadi platform untuk meningkatkan lagi bilangan pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) OYAGSB.

"Selain itu, ia membuka ruang kepada orang ramai untuk berinteraksi lebih lanjut dalam mendapatkan informasi berkaitan OYAGSB khususnya melibatkan program MBA dan DBA.

"Pada masa sama, OYAGSB Open Day mendekatkan staf di sini dengan pelajar untuk beramah mesra menerusi jamuan diadakan berkonsep *open house* serta *consultation counters*," katanya.

Lebih 45 peserta dari industri dan syarikat sekitar Kedah, Perlis dan Pulau Pinang turut hadir memeriahkan OYAGSB Open Day yang diisi dengan pelbagai acara seperti MBA dan DBA *preview*, pembukaan kaunter pertanyaan antaranya berkaitan kewangan dan juga jamuan makan serta *food truck*.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.